

Sekitar banjir di Pantai Timur

Metro 9/1

Sedia pindah kali kedua

Tunggu arahan jika Sungai Kampung Tiram melimpah

>>Oleh Shahrul Nizam
Mohamad

am@hmetro.com.my

KUANTAN: "Saya sudah bersiap sedia untuk berpindah kali kedua jika banjir melanda lagi di rumah saya.

"Semua pakaian dan peralatan elektrik sudah disimpan di tempat tinggi bagi mengelak rosak," kata suri rumah, Mariana Abdul Hamid, 31, yang tinggal di Kampung Tiram, di sini.

Menurutnya, dia hanya menunggu arahan ketua kampung untuk segera berpindah kali kedua jika air Sungai Kampung Tiram me-

limpah sehingga ke jalan raya.

Katanya, pertengahan Disember 2006, dia terpaksa berpindah ke Balai Raya Kampung Tiram kerana air sungai berhampiran rumahnya melimpah ke bahagian dapur rumahnya.

Mariana berkata, dia bimbang jika banjir kali kedua melanda rumahnya kerana banjir sebelum ini air pantas mengalir dan masuk dapur.

"Pada banjir baru lalu, air mengalir begitu pantas sehingga paras pinggang tetapi saya nekad pulang ke rumah bagi mengambil pakaian serta menyelamatkan barang berharga.

"Semalam, air Sungai Kampung Tiram begitu laju dan saya mengawasi anak daripada bermain berhampiran sungai berkenaan," katanya di rumahnya semalam.

Menurutnya, air Sungai Kampung Tiram akan melimpah ke jalan raya terutama pada waktu malam selepas bercampur dengan air pasang sebelum mengalir ke bahagian dapur rumahnya.

Selain bersedia untuk pindah, Mariana juga memiliki dua pelampung sebesar tayar lori serta bot fiber sebagai langkah persediaan berpindah jika rumahnya dinaiki air.